

Dipercaya boleh membantu mengatasi masalah sejagat

# Majlis Pelajar UMS rumus 4 resolusi

Oleh NASHIR MANSOR

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Khamis merumus empat resolusi, yang mereka percaya boleh membantu mengatasi masalah sejagat.

Resolusi tersebut adalah:

Sekatan ekonomi terhadap Iraq yang dikenakan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak 1991 harus ditarik balik kerana ia gagal membawa keamanan di wilayah itu dan dunia amnya. Sebaliknya sekatan itu telah mencetuskan banyak kesulitan dan penderitaan kepada penduduk Iraq yang tidak berdosa.

Semua senjata pemusnah besar-besaran berasal dari sebarang negara harus dimusnahkan sepenuhnya ke arah usaha

mengekalkan keamanan dunia.

Negara-negara Islam harus diberi kuasa veto di Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi mengimbangi penguasaan lima kuasa utama, termasuk Amerika Syarikat.

Media massa juga haruslah lebih telus dan objektif dalam melapor dan mengulas sesuatu isu bagi mengelak kekeliruan di kalangan masyarakat dunia. Resolusi-resolusi itu adalah hasil daripada perbincangan serius dan panjang lebar serta perbincangan di kalangan pelajar UMS dalam satu bengkel yang diadakan sempena program Aman Malaysia peringkat UMS. Resolusi itu diserahkan kepada ahli Majlis Pemuda Umno Dr Adham Baba, selaku penyelarar Program Aman Malaysia bagi Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, disaksikan Ketua

Penerangan Umno Sabah Datuk Abdul Rahim Ismail pada satu acara yang dihadiri kira-kira 800 orang pelajar UMS di sini.

Ketika merasmikan acara penutupan program Aman Malaysia itu, Abdul Rahim berkata, perlu ada sekumpulan penduduk di dunia ini yang berani untuk menyuarakan kebimbangan dan bantahan mereka terhadap sebarang tindakan Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq yang kononnya bertujuan "menyelamatkan dunia".

Menurut Abdul Rahim, Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah salah sebuah negara yang memainkan teraju utama dalam penentangan terhadap serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Turut hadir di majlis itu ialah timbalan naib-canselor UMS Datuk Prof. Mohd Noh Dalimin.